

助中小微企业数字化转型

LHDN 推 MyInvois-ePOS 免费平台

当前科技急速发展，商业竞争日益白热化，数字化转型已不再是企业发展的“可选项”，而是关乎生存的“必选项”。政府在2024年全面启动电子发票（e-Invoice）计划，不仅是征税体系的进步，更是推动全马企业迈向数字化时代的核心引擎。



MyInvois e-POS

为了确保微型及中小企业（MSMEs）能顺利过渡到新制度，大马内陆税收局（LHDN/HASIL）正式推出“MyInvois e-POS”免费数字化销售终端平台，通过科技化解微型及中小企业在营运中的数字化挑战。

新平台的核心初衷在于降低小规模商家在科技转型过程中的财务负担。

当局了解，许多微型企业在面对数字化系统时，往往因高昂的软件授权费和维护费而



MyInvois e-POS 不仅通过免费模式帮助商家解决资金痛点，更通过系统化的功能提升企业抗风险能力。

却步。

为此，新平台免费开放给年销售额低于500万令吉且在本地经营的企业。无论是路边

零售店、餐饮咖啡馆，或是服装精品店与社区便利店，都能通过具包容性的解决方案提升业务表现。

电子发票大趋势 小商贩迎数字化财务新时代

MyInvois e-POS 不是单一功能的开票工具，而是一套综合销售管理、基础会计、库存监控机财务报告的系统，彻底改变过去依赖纸质账本、容易丢失单据且难以追溯的手动模式。

最重要的是，新系统与电子发票制度深度整合，卖家可在交易时直接开具电子发票，

即使买家在交易完成后才提出要求，系统也能灵活应对。

通过系统化的财务记录，商家能够更便捷生成营运报告，实时掌握业务表现，从而提升日常管理的精准度与透明度。

考虑到中小企业对操作便捷性的高度需求，MyInvois e-POS 在设计最初就强调“无缝

衔接”的理念。

为了不干扰商家的日常运作，系统具备高度的自动化能力。

当买家要求开发票时，系统会即时响应，若卖家无特别要求，系统则会根据预设日期，自动汇总并生成合并电子发票。

这种智能化的处理方式，让小商贩们不必再为繁琐的技术流程分心，从而能够将更多精力投入到客户服务与业务拓展中。

平台门槛低 手机与平板电脑即可启动

新平台的门槛极低，商家无需购买昂贵的专业级服务器，只需利用现有的智能手机或平板电脑连接网络即可启动。

对于追求效率的商家，新

平台也兼容收据打印机和条形码扫描仪等外接设备，大大加强操作的专业性与速度。

简言之，当局通过“线上资源+线下服务”的整合形式，确保数字化的过程不会有任何

一家微型及中小企业掉队。

为确保每一位有意转型的商家都能获得支持，内陆税收局提供多元化的咨询和协助渠道，商家可登录官网 <https://www.hasil.gov.my/myinvoisepos/> 获取用户手册与视频指南，或亲临全国各地内陆税收局分局，寻求指导与技术协助。（资讯）

MYINVOIS E-POS: PLATFORM PERCUMA UNTUK PMKS

Dalam era perniagaan yang berteraskan teknologi dan berdaya saing, digitalisasi bukan lagi satu pilihan, tetapi merupakan satu keperluan. Pelaksanaan e-Invois merupakan inisiatif yang diperkenalkan sejak tahun 2024 yang menyokong pendigitalan. Bagi mengatasi cabaran yang mungkin dihadapi oleh peniaga terutama Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam mengadaptasi pendigitalan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah memperkenalkan MyInvois e-POS sebagai platform *Point-of-Sale* (POS) digital percuma untuk membantu perniagaan untuk meningkatkan kecekapan operasi perniagaan dengan lebih mudah dan efisien.

MyInvois e-POS ini direka khas bagi membantu mengurangkan beban kos bagi peniaga kecil yang ingin beralih ke sistem digital. MyInvois e-POS ditawarkan kepada perniagaan yang beroperasi di Malaysia dengan jualan tahunan sehingga RM5 juta. Ia sesuai digunakan oleh pelbagai jenis perniagaan, termasuk kedai runcit, restoran, kafe, butik pakaian dan kedai serbaneka, menjadikannya satu platform inklusif yang boleh dimanfaatkan secara meluas oleh PMKS.

Selain fungsi pengurusan jualan, perakaunan, pengurusan inventori dan pelaporan kewangan, Sistem MyInvois e-POS ini juga membolehkan penjual mengeluarkan e-Invois secara langsung semasa transaksi dengan pembeli atau pembeli boleh meminta e-Invois daripada penjual selepas transaksi selesai. Dengan pelbagai fungsi yang ditawarkan, Sistem MyInvois e-POS menjadi pelengkap dalam menyokong ekosistem perniagaan dan memperkukuh pelaksanaan e-Invois di Malaysia. Dengan penggunaan sistem ini, peniaga dapat beralih daripada kaedah manual yang sering terdedah kepada kesilapan, kehilangan dokumen serta sukar di kesan, di samping meningkatkan kecekapan operasi harian. Pada masa yang sama, rekod kewangan menjadi lebih tersusun sekali gus memudahkan penyediaan laporan serta analisis prestasi perniagaan.

Selain itu, sistem ini direka untuk memudahkan pelaksanaan e-Invois tanpa mengganggu aliran perniagaan semasa. e-Invois akan dijana secara automatik apabila pembeli membuat permohonan. Sekiranya tiada permintaan diterima, e-Invois disatukan akan dijana secara automatik pada tarikh yang ditetapkan. Ini membolehkan peniaga terus menumpukan perhatian kepada operasi perniagaan tanpa perlu risau tentang proses teknikal.

Bagi memulakan penggunaan MyInvois e-POS, peniaga hanya memerlukan peranti asas seperti telefon pintar atau tablet dengan capaian internet. Kemudahan tambahan seperti pencetak resit dan pengimbas kod bar pula boleh digunakan untuk meningkatkan lagi kecekapan operasi perniagaan.

Bagi peniaga yang ingin mendapatkan maklumat lanjut serta panduan penggunaan MyInvois e-POS, sila layari laman web rasmi <https://www.hasil.gov.my/myinvoisepos/> Peniaga juga boleh hadir ke mana-mana Pejabat HASiL Negeri yang berdekatan bagi mendapatkan penerangan dan panduan secara bersemuka.

Secara keseluruhannya, MyInvois e-POS membuka peluang kepada PMKS untuk melangkah ke arah pendigitalan dengan lebih mudah dan cekap. Dengan fungsi yang menyeluruh serta akses percuma, platform ini bukan sahaja membantu peniaga mengurus perniagaan dengan lebih teratur, malah memberi ruang untuk mereka berkembang dalam landskap ekonomi digital yang semakin mencabar.